# UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

## PEPERIKSAAN AKHIR
## SEMESTER I
## SESI 2019/2020

| | | |
|---|---|---|
| NAMA KURSUS | : | PENGAJIAN ISLAM |
| KOD KURSUS | : | UQI 10102 / UQI 10602 / UWA 10102 |
| KOD PROGRAM | : | BBA/ BBB/ BBC/ BBD/ BBE/ BBF/ BBG/ BDC/ BDD/ BDM/ BEJ/ BEV/ BFF/ BFR/ BIM/ BIP/ BIS/ BIT/ BIW/ BNA/ BNB/ BNC/ BND/ BNE/ BNF/ BNG/ BNH/ BNK/ BNL/ BNM/ BNN/ BPA/ BPB/ BPC/ BPD/ BPP/ BPN/ BWA/ BWC/ BWD/ BWQ/ BWW |
| TARIKH PEPERIKSAAN | : | DISEMBER 2019 / JANUARI 2020 |
| JANGKA MASA | : | 2 JAM |
| ARAHAN | : | A) JAWAB **SEMUA** SOALAN DALAM BORANG OMR YANG DISEDIAKAN.<br>B) DILARANG MEMBAWA KERTAS SOALAN INI KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN. |

TERBUKA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **DUA PULUH TIGA (23)** MUKA SURAT

**S1** Apakah maksud Islam sebagai al-Deen?

A Islam akan menyelamatkan kehidupan manusia di akhirat kelak
B Menjadikan Islam sebagai cara hidup dalam semua urusan kehidupan
C Islam akan berfungsi sebagai benteng daripada melakukan perkara yang keji dan mungkar
D Manusia berhak untuk memilih dan mengamalkan ajaran Islam yang bersesuaian dengan kefahaman masing-masing

**S2** Apakah penunjuk kesempurnaan kehidupan seorang Muslim?

A Kekuasaan dan harta yang dimiliki
B Ketinggian ilmu yang berjaya dipelajari
C Kepatuhan kepada perintah dan peraturan Allah SWT
D Ketaatan kepada undang-undang dan peraturan yang digariskan pemerintah dalam sesebuah Negara

**S3** Bagaimanakah akidah yang mantap dapat mendorong manusia melakukan kebaikan dan menolak kejahatan?

A Mengetahui setiap perbuatan mereka akan dinilai dan dibalas oleh Allah SWT
B Meyakini setiap perbuatan yang dilakukan akan dinilai pencapaian oleh majikan
C Menginsafi segala perbuatan baik yang dilakukan akan membawa kesan baik kepada diri
D Menginsafi segala perbuatan buruk yang dilakukan membawa kesan buruk kepada diri

**S4** Apakah dasar pembinaan dan penyusunan nilai hidup manusia yang disarankan oleh akidah Islamiah?

A Kepentingan peribadi
B Ketakwaan dan keimanan
C Kebendaan dan kekuasaan
D Pangkat dan darjat kebesaran

TERBUKA

**S5** Apakah pengertian syariah menurut istilah?

A Jalan yang lurus untuk menuju kebahagiaan
B Tatacara kehidupan yang perlu diikuti oleh umat Islam
C Metodologi untuk melaksanakan ibadah dengan sempurna
D Setiap perundangan oleh Allah SWT dalam urusan keagamaan melalui wahyuNya

**S6** Manakah antara berikut merupakan ciri kehidupan bertunjangkan tauhid?

I Menghayati dan mengamalkan cara hidup Islam
II Sentiasa berzikir dan memuji keagungan Allah SWT
III Mentaati segala perintah Allah SWT dan menjauhi laranganNya
IV Mendahulukan kepentingan peribadi berbanding kepentingan awam

A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I,II,III dan IV

**S7** Apakah manifestasi yang terhasil daripada hubungan antara akhlak dengan syariah?

A Timbul rasa ujub dan riyak kerana melaksanakan ibadah dengan sempurna
B Pelaksanaan syariah yang sempurna akan menghasilkan insan yang memiliki akhlak yang mulia
C Memberikan tumpuan kepada kehidupan akhirat semata-mata dan melupakan dunia yang bersifat sementara
D Memberikan motivasi yang tinggi untuk berusaha mencapai kecemerlangan dan memperbaiki kehidupan seharian

**S8** Apakah tujuan utama manusia diciptakan oleh Allah SWT?

A Beribadah kepada Allah SWT
B Mengeratkan hubungan silaturrahim antara sesama manusia
C Memperbanyakkan sedekah kepada golongan fakir dan miskin
D Mendirikan solat fardhu dan sunat dengan lengkap lagi sempurna

**S9** Apakah nama lain bagi al-Quran yang bermaksud peringatan seluruh alam semesta?

A al-Zikr
B al-Kitab
C al-Tanzil
D al-Furqan

TERBUKA

**S10** Apakah nama surah yang pertama diturunkan Allah SWT melalui Malaikat Jibril kepada Nabi Muhammad SAW?

A Al-Iqra
B Al-'Alaq
C Al-Fatihah
D Al-Baqarah

**S11** Manakah antara berikut merupakan penekanan utama dalam pengajaran al-Quran?

I Menolak kesyirikan
II Konsep ketauhidan Allah SWT
III Kepentingan memperakui kewujudan Allah SWT
IV Akhlak dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah Allah SWT

A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

**S12** Apakah nama hadith yang merupakan rekaan semata-mata?

A Hadith Sahih
B Hadith Qudsi
C Hadith Maudhu'
D Hadith Mutawatir

**S13** Apakah persamaan yang perlu ada dalam menetapkan sesuatu hukum yang menggunakan kaedah qiyas?

A Sebab hukum
B Hukum sesuatu
C Sesuatu yang ada hukum
D Sesuatu yang belum ada hukum

**S14** Apakah sumber hukum bagi menyekat perkara yang boleh membawa seseorang terjebak dalam perkara yang diharamkan?

A Istishab
B Al-Hadith
C Sad al-Zara'ie
D Masalih al-Mursalah

TERBUKA

**S15** Manakah antara berikut merupakan sumber rujukan Islam yang tidak disepakati oleh ulama?

I Qiyas
II Istihsan
III Qaulu Sahabi
IV Syar'u Man Qablana

A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

Soalan 16 adalah berdasarkan kepada maksud hadith dalam **Pernyataan 1** di bawah. Pilih jawapan yang betul.

**Pernyataan 1**

| |
|---|
| "Solatlah kamu sebagaimana kamu melihat aku mendirikan solat". (Riwayat al-Bukhari) |

**S16** Apakah bentuk hadith dalam **Pernyataan 1**?

A Perakuan
B Perkataan
C Perbuatan
D Pernyataan

**S17** Manakah antara berikut bukan definisi kepada al-Quran?

A Kalam Allah SWT yang disampaikan kepada seluruh Nabi dan Rasul secara beransur-ansur
B Kitab suci yang wajib diimani oleh seluruh umat Islam dan membacanya merupakan ibadah
C Wahyu Allah SWT yang disampaikan kepada Nabi Muhammad melalui perantaraan Malaikat Jibril
D Firman Allah SWT yang diturunkan kepada Rasulullah SAW secara Mutawatir sebagai pedoman hidup bagi manusia

TERBUKA

Soalan 18 adalah berdasarkan ayat al-Quran dalam **Pernyataan 2** di bawah.
Pilih jawapan yang betul.

**Pernyataan 2**

> إِنَّا نَحۡنُ نَزَّلۡنَا ٱلذِّكۡرَ وَإِنَّا لَهُۥ لَحَٰفِظُونَ ٩
>
> Maksudnya : Sesungguhnya Kami lah yang menurunkan al-Quran dan Kami lah yang memelihara serta menjaganya.
>
> (Surah Al-Hijr : ayat 9)

**S18** Apakah fungsi kalimat *al-Zikr* dalam **Pernyataan 2**?

A Ubat hati agar menjadi tenang
B Pembeza antara yang haq dan batil
C Peringatan di saat kita lalai dan lupa
D Petunjuk jalan menuju kebahagiaan yang hakiki

**S19** Apakah tahap pertama dalam penulisan mashaf?

A Tidak meletakkan titik dan baris
B Meletakkan tanda baris pada semua huruf
C Abu Aswad al-Duwali membuat baris dalam bentuk titik
D Al-Quran dibaca dengan satu cara sahaja oleh umat Islam

**S20** Manakah antara berikut bukan merupakan tanda-tanda ayat al-Makki?

A Ayat yang panjang
B Ayat yang pendek dan ringkas
C Ayat yang berkaitan tauhid dan larangan syirik
D Ayat yang selalu dimulai dengan *Ya Ayyuhannas*

TERBUKA

Soalan 21 adalah berdasarkan maksud hadith dalam **Pernyataan 3** di bawah.
Pilih jawapan yang betul.

**Pernyataan 3**

> Maksud hadith:
> Qutaybah bin Sa'id menceritakan kepada kami, Abdul Wahab menyampaikan kepada kami, beliau berkata: "Aku mendengar Yahya bin Sa'id daripada Muhammad bin Ibrahim daripada al-Qamah bin Waqqas al-Laythi beliau berkata: "Aku telah mendengar Umar bin al-Khattab berkata bahawa Nabi SAW bersabda: "Sesungguhnya amalan itu bergantung kepada niat".
>
> ( Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

**S21** Apakah istilah dalam pengajian Ulum al-Hadith bagi nama perawi hadith dalam **Pernyataan 3**?

A Rawi
B Sanad
C Matan
D Musnad

**S22** Manakah antara berikut merupakan maksud hadith menurut *Muhaddithin* (Ahli Hadith)?

A Apa yang disandarkan kepada Nabi SAW daripada perkataan, perbuatan, pengakuan atau sifat dalaman dan luaran selepas kenabian
B Apa yang disandarkan kepada Nabi SAW daripada perkataan, perbuatan, persetujuan atau sifat dalaman dan luaran sebelum kenabian
C Apa yang disandarkan kepada Nabi SAW daripada perkataan, perbuatan, persetujuan atau sifat dalaman dan luaran sama ada sebelum kenabian atau selepasnya
D Apa yang disandarkan kepada Nabi SAW daripada perkataan, perbuatan, persetujuan tanpa sifat dalaman dan luaran sama ada sebelum kenabian atau selepasnya

**S23** Siapakah khalifah yang memulakan pengumpulan dan penulisan hadith?

A Umar bin Al-Khattab
B Umar bin Abdul Aziz
C Marwan Ibn al-Hakam
D Abdul Aziz bin Marwan

TERBUKA

Soalan 24 adalah berdasarkan sejarah pengumpulan dan penulisan kitab hadith dalam **Pernyataan 4** di bawah. Pilih jawapan yang betul.

**Pernyataan 4**

| |
|---|
| Abad ketiga Hijrah dikenali sebagai zaman keemasan dalam penulisan hadith. Terdapat banyak kitab yang ditulis pada masa itu antaranya dikenali sebagai *Musnad*, *Sahih* dan *Sunan*. Dalam kitab-kitab yang ditulis oleh para ulama ini kesemuanya mengandungi hadith-hadith Nabi SAW sama ada *sahih* mahupun *da'if*. Kitab-kitab tersebut dijadikan sumber rujukan sehingga kini dan digelar sebagai *Kutub al-Sittah*, *Sunan al-Arba'ah* dan *Kutub al-Tis'ah*. |

**S24** Manakah antara berikut merupakan *Sunan al-Arba'ah* seperti yang dinyatakan dalam **Pernyataan 4**?

A Sunan Tirmidzi, Sunan Abu Daud, Sunan Ibn Majah dan al-Muwatta'
B Sahih Muslim, Sunan Tirmidzi, Sunan Abu Daud dan Sunan Ibnu Majah
C Sunan al-Darimi, Sunan Tirmidzi, Sunan Abu Daud dan Sunan al-Nasa'i
D Sunan Tirmidzi, Sunan Abu Daud, Sunan Ibn Majah dan Sunan al-Nasa'i

**S25** Apakah maksud lafaz *ahli* dalam istilah Ahli Sunnah wal Jamaah?

A Pemilik
B Pengikut
C Penduduk
D Penyokong

**S26** Apakah maksud lafaz *al-Sunnah* dalam istilah Ahli Sunnah wal Jamaah?

A Perkataan, perbuatan dan perakuan Rasulullah SAW
B Melaksanakannya mendapat pahala manakala meninggalkannya tidak berdosa
C Syariat lurus yang menepati jalan hidup Rasulullah SAW, para sahabat dan al-Quran
D Iktiqad yang sahih dan sejahtera sepertimana Rasulullah SAW dan para sahabat

TERBUKA

**S27** Manakah antara berikut merupakan kepentingan mengenali hakikat Ahli Sunnah wal Jamaah?

A Membezakan golongan yang benar dan yang batil
B Mengetahui golongan yang melakukan dosa-dosa besar
C Mengenalpasti golongan yang sering melakukan amalan soleh
D Menjauhi perkara-perkara kezaliman, penindasan dan penganiayaan yang dilarang Islam

**S28** Apakah pegangan golongan *Tasybih* dan *Tajsim* berkaitan sifat-sifat Allah SWT?

A Menjadikan ayat *Mujmal* sebagai asas akidah
B Menjadikan ayat *Mufassar* sebagai asas akidah
C Menjadikan ayat *Muhkamat* sebagai asas akidah
D Menjadikan ayat *Mutasyabihat* sebagai asas akidah

**S29** Siapakah yang memenjarakan Imam Ahmad bin Hanbal sewaktu beliau mempertahankan pegangan bahawa al-Quran adalah *qadim*?

A Khalifah al-Makmun
B Khalifah al-Muktasim
C Khalifah al-Mutawakkil
D Khalifah al-Wathiqubillah

**S30** Siapakah pengasas fahaman Muktazilah?

A Wasil bin ‘Ata
B Sufyan al-Thawri
C Abu Ali al-Jubbai
D Abdullah ibn ‘Abbas

**S31** Manakah antara berikut bukan ciri golongan Ahli Sunnah wal Jamaah?

A Golongan majoriti dalam umat Islam
B Bersifat secara wasatiyah dan tidak melampau
C Kasih dan cinta terhadap ahli keluarga Rasulullah SAW dan para sahabat
D Menyeragamkan semua amalan ibadah dalam agama dan menolak khilafiyah

TERBUKA

**S32** Apakah maksud *Tafwidh*?

A Menyerahkan maksud sebenar kepada Allah SWT dan mensucikanNya
B Memindahkan maksud ayat kepada makna lain selaras dengan kaedah bahasa Arab
C Mentafsirkan maksud ayat yang ringkas kepada pengertian mendalam serta meluas
D Menterjemah maksud ayat kepada bahasa lain yang difahami oleh pembaca selain Arab

**S33** Manakah antara berikut merupakan kesan kewujudan ajaran sesat di Malaysia?

I Mengancam keselamatan negara
II Membawa kepada penyelewengan akidah
III Menimbulkan perpecahan dalam kalangan umat Islam
IV Mewujudkan beberapa perbezaan dari segi kepercayaan dan amalan

A I, II dan III sahaja
B I, III dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

**S34** Apakah faktor kemunculan aliran akidah selepas kewafatan Rasulullah SAW?

A Sosial
B Politik
C Geografi
D Ekonomi

**S35** Manakah antara berikut merupakan aliran akidah yang muncul hasil daripada pertelingkahan politik?

I Syiah
II Khawarij
III Jabariyyah
IV Ahli Sunnah Wal Jamaah

A I dan II sahaja
B I dan III sahaja
C II dan IV sahaja
D III dan IV sahaja

TERBUKA

Soalan 36 adalah berdasarkan kepada definisi ajaran sesat dalam **Pernyataan 5** di bawah. Pilih jawapan yang betul.

**Pernyataan 5**

> "Sebarang ajaran dan amalan yang didukung oleh orang-orang Islam dan juga orang-orang bukan Islam yang mendakwa ajaran dan amalan tersebut berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan itu bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah, bercanggah dengan akidah Islam dan berlawanan pula dengan mazhab dan akidah yang muktabar"
>
> (Bahagian Akidah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

**S36** Apakah yang dimaksudkan dengan 'akidah yang muktabar' dalam **Pernyataan 5**?

A Akidah Islamiyyah
B Akidah Al-Syi'iyyah
C Akidah Al-Syafi'yyah
D Akidah Ahli al-Sunnah wal Jamaah

**S37** Manakah antara berikut merupakan kumpulan dalam mazhab Syiah?

A Khilafiyyah dan Sunniyah
B Zaidiyyah dan Khilafiyyah
C Saba'iyyah dan Kaisaniyyah
D Kaisaniyyah dan Muktazilah

**S38** Pilih faktor perkembangan ajaran sesat di Malaysia.

I Keghairahan mencari ketenangan jiwa
II Berpegang teguh dengan kepercayaan dan adat
III Penghijrahan warga dari Pulau Jawa ke Malaysia
IV Berpegang teguh dengan al-Quran dan al-Sunnah

A I dan II sahaja
B I dan III sahaja
C II dan III sahaja
D II dan IV sahaja

TERBUKA

Soalan 39 adalah berdasarkan kepada golongan ajaran sesat dalam **Rajah 1** di bawah. Pilih jawapan yang betul.

**Rajah 1**

| | |
|---|---|
| Khawarij | Syiah |

**S39** Manakah yang berikut merupakan persamaan ciri-ciri bagi golongan dalam **Rajah 1**?

I Mazhab yang menafikan sifat Allah
II Mazhab yang terkeluar daripada akidah Sunni
III Mazhab yang lahir hasil daripada pertelingkahan politik
IV Mazhab yang mengkafirkan para sahabat Nabi Muhammad SAW

A I, II dan III sahaja
B I, III dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

**S40** Manakah antara berikut merupakan peruntukan undang-undang berhubung ajaran sesat di Malaysia?

I Kanun Keseksaan
II Akta Hasutan 1948
III Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan
IV Enakmen Kesalahan Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu

A I, II dan III sahaja
B I, III dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

TERBUKA

**S41** Apakah maksud mazhab dari sudut istilah?

A Menyerah diri sepenuhnya kepada Allah SWT berdasarkan kepada nas-nas al-Quran dan al-Sunnah
B Memahami bahawa segala peraturan yang ditentukan oleh Islam adalah bersesuaian dengan fitrah manusia
C Jalan atau cara yang dilalui atau diikuti, sama ada baik atau pun buruk oleh ulama Islam sebagai panduan kepada masyarakat
D Aliran fahaman oleh ulama Islam untuk memahami nas-nas al-Quran dan al-Sunnah bagi menerangkannya kepada masyarakat

**S42** Apakah ilmu yang digunakan untuk membuat penyelidikan bagi mengeluarkan hukum?

A Usul Fiqh
B Usuluddin
C Usul Ahkam
D Usul Dakwah

**S43** Manakah antara berikut merupakan faktor kelahiran mazhab fiqh?

I Perbezaan kepakaran dalam sesuatu bidang ilmu
II Perbezaan pendapat dalam memahami dan mentafsirkan hadith
III Perbezaan pengalaman yang dilalui ulama dalam meng*istinbat* hukum
IV Perbezaan pendapat dalam memahami dan mentafsirkan ayat al-Quran

A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

**S44** Mengapakah perkembangan mazhab fiqh berlaku pada zaman sahabat?

I Para sahabat mula mendalami ilmu usul Fiqh
II Keperluan para sahabat melakukan ijtihad semakin tinggi
III Para sahabat akan membuat kesepakatan dalam menentukan sesuatu hukum
IV Para sahabat sentiasa merujuk Rasulullah SAW dalam menentukan sesuatu hukum

A I, II dan III sahaja
B I, III dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

**S45** Apakah hukum wuduk apabila bersentuhan suami dan isteri tanpa syahwat dalam mazhab Syafie?

A Batal wuduk bagi isteri
B Batal wuduk bagi suami
C Batal wuduk kedua-duanya
D Batal wuduk bagi orang yang menyentuh

TERBUKA

**S46** Siapakah imam Mazhab yang dikenali dengan panggilan *al-Imam al-A`zam*?

A Imam Malik
B Imam Syafie
C Imam Abu Hanifah
D Imam Ahmad Ibn Hanbal

**S47** Apakah sumbangan Imam Syafie kepada masyarakat Islam?

A Menjadi rujukan dalam masalah akidah umat Islam
B Menjadi rujukan dalam masalah fiqh bagi umat Islam
C Mengabdikan dirinya untuk mendalami dan menguasai bidang fiqh
D Melahirkan aliran pemikiran akidah baru dalam kalangan umat Islam

**S48** Mengapakan umat Islam mudah terpengaruh dengan kumpulan anti mazhab pada masa kini?

I Sikap umat Islam yang menolak pandangan ulama
II Tidak mendapatkan ilmu daripada sumber yang sahih
III Tidak mendalami ilmu yang berkaitan dengan hukum fiqh
IV Kejahilan memahami sesuatu hukum dalam al-Quran dan al-Sunnah

A I, II dan III sahaja
B I, III dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

**S49** Pilih pernyataan yang tepat berkaitan konsep muamalat dalam Islam.

A Melibatkan sektor ekonomi, politik dan sosial Islam
B Manusia diperintahkan berusaha mencari harta kekayaan dengan apa cara sekalipun
C Semua harta yang terdapat di dunia ini merupakan hak milik manusia yang disediakan oleh Allah SWT
D Peraturan dalam perhubungan manusia untuk memenuhi keperluan kehidupan mereka berlandaskan syariah Allah SWT

TERBUKA

Soalan 50 hingga 52 adalah berdasarkan produk perbankan Islam dalam **Jadual 1** di bawah. Pilih jawapan yang betul.

**Jadual 1**

| | |
|---|---|
| A | *Bai' al-Salam* |
| B | *Bai' al-'Inah* |
| C | *Bai' al-Takjir* |
| D | *Bai' al-Murabahah* |

**S50** Encik Hamid telah mengadakan perjanjian dengan Encik Ahmad untuk menjual kilangnya yang sedang disewa oleh Encik Ahmad apabila genap 10 tahun sewaan tersebut dengan kadar harga yang dipersetujui sebanyak RM1.5 juta.

**S51** Syarikat Wardah SDN BHD telah menjual sebanyak 550,00 juta pasang kasut yang belum disiapkan kepada Syarikat Gazel SDN BHD yang berpusat di Turki setelah diminta oleh syarikat tersebut mengikut spesifikasi yang telah dipersetujui bersama, yang berjumlah USD2.5 juta. Pembayaran telah dijelaskan sepenuhnya oleh Syarikat Gazel SDN BHD secarai tunai.

**S52** Encik Mahmud telah menjual sebidang tanah miliknya kepada Encik Hamdi berharga RM500,000.00 secara bayaran bertangguh dalam masa 10 tahun. Kemudian Encik Mahmud membelinya semula daripada Encik Hamdi dengan harga RM450.000.00 dan bayaran secara tunai.

**S53** Manakah antara berikut merupakan dalil produk *al-Qard* dalam sistem muamalat Islam?

A (إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُكُمۡ أَن تُؤَدُّواْ ٱلۡأَمَٰنَٰتِ إِلَىٰٓ أَهۡلِهَا) Surah al-Nisa'; ayat: 58
B (فَتَقَبَّلَهَا رَبُّهَا بِقَبُولٍ حَسَنٍ وَأَنۢبَتَهَا نَبَاتًا حَسَنًا وَكَفَّلَهَا زَكَرِيَّا) Surah 'Ali Imran; ayat: 37
C (وَءَاخَرُونَ يَضۡرِبُونَ فِي ٱلۡأَرۡضِ يَبۡتَغُونَ مِن فَضۡلِ ٱللَّهِ) Surah al-Muzammil; ayat: 20
D (مَّن ذَا ٱلَّذِي يُقۡرِضُ ٱللَّهَ قَرۡضًا حَسَنًا فَيُضَٰعِفَهُۥ لَهُۥٓ أَضۡعَافًا كَثِيرَةً) Surah Al-Baqarah; ayat: 245

**S54** Apakah istilah produk muamalat Islam yang merujuk kepada pelantikan seseorang yang dipercayai untuk menjalankan sesuatu kerja mengikut kadar upah yang dipersetujui?

A Takaful
B Wadi'ah
C Wakalah
D Mudharabah

TERBUKA

**S55** Manakah antara berikut merupakan sebab yang mengharuskan pemberian lebihan melalui produk Wadi'ah dalam Sistem Perbankan Islam?

I Bukan atas dasar faedah, bunga atau riba
II Pemberian atas dasar ihsan dan budi bicara pihak bank
III Lebihan yang diberi kepada penyimpan tidak ditetapkan pada masa akad
IV Lebihan terhasil atas dasar keuntungan bank yang menggunakan wang penyimpan sebagai modal

A I, II dan III sahaja
B I, III dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

Soalan 56 adalah berdasarkan perbezaan antara Sistem Takaful dan Sistem Insuran dalam **Jadual 2** di bawah. Pilih jawapan yang betul.

**Jadual 2**

| Bil | Takaful | Insuran |
|---|---|---|
| I | Kontrak Tabarru' (Derma dan Sumbangan) | Kontrak Muawadah (Pertukaran jual beli) |
| II | Peserta membuat caruman ke dalam skim | Pemegang polisi membayar premium kepada penanggung insuran |
| III | Aset kumpulan wang hanya boleh dilaburkan dalam instrumen yang patuh syariah | Pelaburan kumpulan wang bebas dilaburkan tanpa sebarang kekangan |
| IV | Pencarum tidak berhak mendapat 'surplus' | Pencarum berhak mendapat 'surplus' |

**S56** Pilih perbezaan yang tepat antara Sistem Takaful dan Sistem Insuran dalam **Jadual 2**.

A I, II dan III sahaja
B I, III dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

TERBUKA

**S57** Manakah antara berikut merupakan ciri maqasid syariah?

I Menjamin kemuliaan diri
II Memelihara kesucian agama
III Menjamin kesejahteraan hidup manusia
IV Menghindarkan segala bentuk kemudaratan hidup

A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

Soalan 58 merujuk kepada kedudukan jihad dalam maqasid syariah dalam **Pernyataan 6** di bawah. Pilih jawapan yang betul.

**Pernyataan 6**

| |
|---|
| Diwajibkan jihad bagi memerangi kafir harbi |

**S58** Apakah perkara *dharuriyyat* yang sesuai bagi **Pernyataan 6**?

A Memelihara nyawa
B Mewujudkan agama
C Mengekalkan agama
D Memelihara keturunan

Soalan 59 hingga 61 adalah berdasarkan pembahagian maqasid syariah dalam **Jadual 3** di bawah. Pilih jawapan yang betul.

**Jadual 3**

| | |
|---|---|
| A | Hajiyat |
| B | Kamiliyyat |
| C | Tahsiniyyat |
| D | Dharuriyyat |

**S59** Memakai pakaian yang baik ketika pergi ke masjid.

TERBUKA

**S60** Membeli makanan tanpa lafaz akad jual beli.

**S61** Mengenakan hukuman bunuh bagi orang yang murtad.

**S62** Manakah antara berikut merupakan syarat hukuman zina?

I Berakal
II Bukan mayat
III Tidak tahu haram
IV Tanpa kesamaran

A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

**S63** Manakah antara berikut merupakan jenayah yang menghalalkan darah orang Islam?

I Murtad
II Munafik
III Janda yang berzina
IV Membunuh nyawa tanpa hak

A I, II dan III sahaja
B I, III dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

**S64** Pilih cara pensabitan qazaf.

I Qarinah
II Sumpah
III Pengakuan tertuduh
IV Keterangan 2 orang saksi

A I, II dan III sahaja
B I, III dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

**S65** Apakah gambaran yang menunjukkan ketinggian kedudukan pekerjaan dalam Islam?

A Ibadah kepada Allah SWT
B Sebahagian besar matlamat kehidupan
C Sumber nafkah untuk diri dan keluarga
D Alat untuk meningkatkan taraf kehidupan

TERBUKA

**S66** Pilih perbuatan yang dikira sebagai ibadah berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam Islam.

A Mewakafkan sebahagian daripada harta anak yatim yang diamanahkan
B Mendermakan sebahagian daripada duit riba yang diperolehi dari simpanan
C Menjual harta pusaka yang diperolehi untuk menampung nafkah anak-anak di bawah tanggungan
D Menyalurkan bantuan setiap bulan kepada rumah anak yatim hasil daripada pekerjaan di kilang rokok

**S67** Mengapakah etika penting dalam pekerjaan?

A Menentukan hukuman ke atas pekerja yang cuai semasa bekerja
B Memandu pekerja untuk membina masa depan kerjaya yang cemerlang
C Membentuk sikap pekerja supaya disenangi oleh majikan, rakan sekerja dan pelanggan
D Membimbing pekerja membezakan antara yang benar dan salah semasa menjalankan tugas

**S68** Pilih situasi yang menunjukkan kewujudan nilai akauntabiliti dalam individu dan organisasi.

A Menyembunyikan maklumat yang benar untuk menjaga nama baik syarikat
B Mengarahkan kerani memandu kenderaan syarikat untuk menjemput tetamu
C Membuat pembelian barangan syarikat mengikut prosedur yang telah ditetapkan
D Memotong gaji pekerja untuk dijadikan sumbangan syarikat kepada badan kebajikan

**S69** Mengapakah sesuatu pekerjaan itu memerlukan integriti yang tinggi?

A Memperolehi kepuasan kerja yang optimum
B Memenuhi prinsip moral, etika dan undang-undang
C Menjamin keuntungan yang besar kepada organisasi
D Mendapat pelbagai keistimewaan daripada organisasi

TERBUKA

**S70** Manakah antara berikut merupakan takrif yang menjelaskan konsep etika?

I Ilmu mengenai budi pekerti
II Ilmu mengenai integriti dan akauntabiliti
III Ilmu yang menghimpunkan nilai dan moral
IV Ilmu prinsip moral tentang perlakuan manusia dan organisasi sosial

A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

Soalan 71 merujuk kepada maksud al-Quran dalam **Pernyataan 7** di bawah.
Pilih jawapan yang betul.

**Pernyataan 7**

| |
|---|
| '*Amat besar kebenciannya di sisi Allah, iaitu apabila kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak lakukan.*' |
| (Surah al-Saf, ayat 3) |

**S71** Apakah konsep yang tepat merujuk kepada pengertian ayat al-Quran dalam **Pernyataan** 7?

A Konsep integriti
B Konsep integriti individu
C Konsep integriti organisasi
D Konsep integriti penjawat awam

TERBUKA

Soalan 72 adalah berdasarkan maksud hadith dalam **Pernyataan 8** di bawah.
Pilih jawapan yang betul.

**Pernyataan 8**

| |
|---|
| *"Sesungguhnya Allah menyukai orang yang tidak menyusahkan pekerjaan dan yang jernih mukanya dalam menghadapi manusia"* |
| (Riwayat al-Baihaqi) |

**S72** Apakah yang dianjurkan kepada para pekerja oleh hadith dalam **Pernyataan 8**?

I Berlaku adil terhadap sesama manusia
II Sentiasa bersangka baik dalam menguruskan sesuatu masalah
III Bersikap pilih kasih terhadap pekerja untuk memudahkan urusan
IV Sentiasa berusaha untuk memudahkan urusan antara sesama manusia

A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

**S73** Manakah antara berikut bukan merupakan objektif perkahwinan?

A Kesempurnaan hidup
B Memelihara kehormatan diri
C Memenuhi adat dalam masyarakat
D Memperluas dan mengerat silaturrahim

**S74** Bilakah hukum talak menjadi makruh?

A Apabila seorang suami menceraikan isteri yang baik
B Apabila wujud perselisihan faham antara suami isteri
C Apabila seorang suami menceraikan isteri sewaktu haid
D Apabila seorang isteri tidak menjaga kehormatan dirinya

TERBUKA

Soalan 75 adalah berdasarkan situasi dalam **Pernyataan 9** di bawah.
Pilih jawapan yang betul.

**Pernyataan 9**

| |
|---|
| Nelofah adalah seorang isteri yang cantik, mempunyai kelulusan dan pangkat yang lebih baik berbanding suaminya, Mahadir. Justeru, dia merasa bangga dan takjub kepada dirinya sendiri. Sikap ini dibawa dalam kehidupan berumahtangga. Dia bertindak membelakangi suaminya terutama dalam membuat keputusan tentang urusan rumahtangga. Nelofah telah melakukan banyak perkara yang menyalahi tuntutan Islam seperti menghina suaminya, keluar rumah tanpa izin suami, tidak mengurus rumahtangga termasuk anak-anak dan menjalinkan hubungan dengan lelaki lain yang lebih tampan. |

**S75** Susun tindakan yang sepatutnya diambil oleh Mahadir sebagai seorang suami mengikut turutan berdasarkan situasi dalam **Pernyataan 9**.

I Memberi nasihat
II Menjatuhkan talak
III Tidak memberi nafkah zahir
IV Memukul tanpa memudaratkan

A IV, I, II dan III
B I, III, IV dan II
C II, I, IV dan III
D III, II, I dan IV

**S76** Manakah antara berikut merupakan implikasi zihar terhadap suami isteri?

I Tidak boleh tidur bersama
II Menjatuhkan maruah isteri
III Mendapat kemurkaan Allah
IV Suami wajib membayar kifarat

A I, II dan III sahaja
B I, III dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

TERBUKA

**S77** Pilih pernyataan yang benar tentang nafkah isteri dalam masa iddah.

I Isteri berhak mendapat rumah jika kematian suami
II Isteri berhak mendapat nafkah zahir jika diceraikan dengan *talak raj'i*
III Isteri yang hamil berhak mendapat nafkah jika diceraikan dengan *talak ba'in*
IV Isteri yang dicerai dengan *talak raj'i* berhak mendapat harta pusaka jika suami meninggal dunia

A I, II dan III sahaja
B I, III dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

**S78** Pilih syarat berpoligami.

I Bersifat qanaah
II Adil terhadap isteri
III Mampu memberi nafkah
IV Hanya empat orang isteri dalam satu masa

A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

Soalan 79 dan 80 adalah berdasarkan maksud bagi isu yang berkaitan Sistem Kekeluargaan Islam dalam **Jadual 4**. Pilih jawapan yang betul.

**Jadual 4**

| | |
|---|---|
| A | *Li'an* |
| B | *Zihar* |
| C | *Dharar* |
| D | *Khulu'* |

**S79** Isteri membebaskan diri daripada ikatan perkahwinan dengan membayar ganti rugi atau memulangkan mahar kepada suaminya.

TERBUKA

**S80** Suami bersumpah dengan disertakan lafaz laknat dari Allah SWT kerana menolak hukum qazaf yang dikenakan ke atasnya bagi tuduhan zina terhadap isteri atau menafikan nasab keturunan.

**- SOALAN TAMAT -**